



## KENYATAAN TENDER

### KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TUMBUHAN WETLAND DI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (NO. TENDER : PPJ/JR/T/0001/2024)

- Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor Tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
- Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
<p>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)</p> <p>Gred : G6</p> <p>Kategori : CE</p> <p>Pengkhususan : CE14 (Landskap di Luar Bangunan)</p>	<p>27 Februari 2024 (Selasa)</p> <p>9.30 pagi</p> <p><b>TAKLIMAT:</b></p> <p>Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras 5, Blok D, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya</p> <p><b>LAWATAN TAPAK:</b></p> <p>Wetland Putrajaya, Presint 13, Wilayah Persekutuan Putrajaya</p> <p>(DIWAJIBKAN)</p>	<p>27 Februari 2024 (Selasa)</p> <p>sehingga</p> <p>11 Mac 2024 (Isnin)</p> <p>Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>	<p>Ringgit Malaysia RM 300.00 (Tidak dikembalikan)</p> <p>Tunai / Deraf Bank</p> <p>Perbadanan Putrajaya</p>	<p>19 Mac 2024 (Selasa)</p> <p>12.00 tengah hari</p> <p>Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>

- Kontraktor juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berpengalaman sebagaimana tajuk projek.
- Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
- Taklimat tender akan diadakan pada **27 Februari 2024 (Selasa), 9.30 pagi** di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras 5, Blok D, Kompleks Perbadanan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam Sijil SPKK adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama Sijil PPK, SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ dan Cap Syarikat.
- Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor yang sah sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen. Wakil Kontraktor juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK dan **satu (1) Salinan Sijil PPK dan SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ**.
- Tender ini akan ditutup pada **19 Mac 2024** bersamaan hari **Selasa, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender. Dokumen yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
- Kontraktor hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Kontraktor yang berurusan di kaunter jualan dikehendaki mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan.